

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

STP351 - Undang-Undang Untuk Pekerja Sosial

Tarikh: 7 November 1987

Masa: 9.00 pagi. - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Kertas ini mengandungi LAPAN soalan semuanya. Anda dikehendaki menjawab EMPAT soalan sahaja. Setiap soalan mempunyai kadar pembahagian markah yang sama.

1. Apakah ciri-ciri dan peranan utama undang-undang di dalam sesuatu masyarakat?

2. Bong Kok, seorang lelaki bukan Islam bercadang untuk berkahwin dengan seorang perempuan Islam yang bernama Tonggek. Kedua-duanya bercadang untuk melangsungkan perkahwinan selepas Bong Kok memeluk agama Islam. Walau bagaimanapun perhubungan di antara Bong Kok dan Tonggek ini tidak direstui oleh kedua-dua ibubapa Tonggek. Perkara ini telah menyebabkan Bong Kok merasa amat dukacita sekali. Ia datang berjumpa anda untuk mendapatkan nasihat bagaimanakah cara-cara untuk membolehkannya berkahwin dengan Tonggek, walaupun tanpa restu dari kedua-dua ibubapa Tonggek. Nasihatkan Bong Kok tentang perkara ini dan nyatakan juga syarat-syarat yang mesti dipatuhi bagi membolehkan perkahwinannya itu sah di sisi undang-undang Islam.

3. "Susunan atau hierarki mahkamah di Malaysia mencerminkan pengagihan kuasa dan sistem rayuan yang adil dan saksama". Bincangkan.

... 2/-

(STP 351)

4. Buncit, seorang lelaki Iban telah dituduh melakukan kesalahan merogol dan membunuh seorang budak perempuan Kadazan yang berumur 13 tahun. Semasa Buncit dihadapkan ke mahkamah, ia telah menafikan yang ia terlibat di dalam kes merogol dan membunuh itu. Pihak pendakwaraya walau bagaimanapun telah berjaya menemui beberapa barang kes (exhibit) di antaranya termasuklah seutas tali, sehelai pakaian si mati, sebatang kayu bulat yang panjangnya lebih kurang dua kaki dan kesan-kesan darah di tempat kejadian. Pihak pendakwaraya juga mempunyai dua orang saksi penting bagi kes ini. Malangnya kedua-dua saksi ini tidak melihat dengan sendiri bagaimana kejadian rogol dan pembunuhan itu berlaku. Mereka hanya mendengar jeritan si mati sahaja sebelum ianya dibunuh. Sebagai seorang yang mewakili pihak pendakwaraya, apakah keterangan-keterangan kehakiman (judicial evidence) yang boleh digunakan untuk membuktikan kesalahan merogol dan membunuh yang dilakukan oleh Buncit?

5. Geram Singh telah berkenalan dengan seorang perempuan Cina Lai Lai selama dua tahun. Kedua-duanya telah berjanji akan berkahwin dan hidup semati. Ke mana sahaja Geram Singh pergi, ke situlah Lai Lai mengikutnya. Persahabatan mereka bertambah erat dan mereka berdua hidup seolah-olah sebagai sepasang suami isteri. Tidak lama kemudian, Lai Lai telah memberitahu Geram Singh yang ianya telah mengandung dan meminta Geram Singh mengahwininya. Geram Singh amat terperanjat mendengar berita berkenaan dan terus menepuk dahinya berkali-kali. "Ini sudah jadi susah, mana aku ada duit nak kahwin dengan engkau" kata Geram Singh kepada Lai Lai dan terus meninggalkan Lai Lai keseorangan. Lai Lai merasakan dirinya telah dianiayai dan tertipu. Dia bercadang untuk mendakwa Geram Singh di atas keengganinan lelaki itu untuk berkahwin dengannya. Nasihatkan Lai Lai.

...3/-

6. Mat Letop telah berkahwin dengan Minah Latah sejak lima tahun yang lalu mengikut acara perkahwinan Islam. Sepanjang tiga tahun yang pertama perkahwinan mereka, mereka telah hidup dalam keadaan rukun dan damai. Malangnya selepas tiga tahun berkahwin, Mat Letop telah menjadi seorang penagih dadah yang serious. Akibat dari penagihan dadah ini, Mat Letop telah mengalami penyakit lemah tenaga batin, kusta dan untut. Mat Letop juga telah tidak mampu lagi untuk memberikan sebarang nafkah kepada isterinya Minah Latah. Pada suatu malam, Mat Letop telah pulang larut malam dan terhoyong-hayang seperti seorang yang mabuk. Apabila pintu rumah dibuka oleh Minah Latah, Mat Letop terus mengamuk dan memaki hamun Minah Latah tanpa sebarang sebab. Mat Letop kemudian cuba untuk memukul Minah Latah tetapi Minah Latah berjaya mengelakkan dirinya. Oleh kerana terlalu geram melihat keadaan suaminya itu, Minah Latah tiba-tiba menjadi pelupa. Ia terus memukul Mat Letop sehingga berbenjol di dahinya. Selepas dari kejadian ini Minah Latah bercadang untuk memohon perceraian dengan suaminya. Nasihatkan Minah Latah dari segi hak-haknya untuk mendapatkan perceraian mengikut undang-undang Islam.
7. Bincangkan peruntukan-peruntukan penting yang terdapat di dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973. Sejauh manakah Akta ini dapat memberikan perlindungan kepada Wanita dan Gadis di negara ini?
8. Apakah prinsip-prinsip undang-undang yang mesti dilaksanakan bagi mengujudkan suatu sistem undang-undang yang berkaitan dengan pekerja sosial secara lebih berkesan dan adil?

